



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 31 Tahun 2023

**TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
DAN KUMPULAN PELAKSANA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
TAHUN 2023**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- 2.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- 2.3 Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- 2.4 Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- 2.5 Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun)
- 2.7 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- 2.8 Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam **LAMPIRAN 1** dan **LAMPIRAN 2**.

4. Berdasarkan kepada keputusan Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 70 Tahun 2022 bertarikh 06 Oktober 2022 berkaitan pelantikan jawatan calon berjaya kenaikan pangkat bagi skim fleksi/ dominan adalah tertakluk kepada persetujuan calon untuk menerima opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan dominan. Sekiranya calon tidak menerima tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan dominan mengikut skim yang berkuat kuasa, calon akan kekal berada pada skim perkhidmatan dan gred sedia ada.

PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:

- 5.1 Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
- 5.2 Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- 5.3 Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 5.4 Hanya pemohon yang telah disenarai pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaiaan pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
- 5.5 Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
- 5.6 Tarikh tutup permohonan adalah pada 21 Disember 2023.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 06 Disember 2023.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 06 Disember 2023.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN (MMIHRM)
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 31/2023)

Kumpulan Pengurusan dan Profesional:

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Timbalan Pegawai Psikologi	S48	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	4

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

1. i. Jawatan : Timbalan Pegawai Psikologi
 ii. Gred Jawatan : S48
 iii. Kekosongan : 1
 iv. Syarat Kelayakan :

Pegawai Psikologi Kanan Gred S44 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Pegawai Psikologi Gred S48 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
 b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji S48

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5,117.00	RM11,632.00	RM270.00

Kumpulan Pelaksana I :

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Ketua Penolong Pegawai Tadbir	N40	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	6
2.	Penolong Grafik Kanan	B32	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	6
3.	Pegawai Eksekutif Kanan Bidang : Kokurikulum	N32	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	7
4.	Pembantu Tadbir Tertinggi (Kewangan)	W26	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	1	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	7
5.	Pembantu Pustakawan Kanan	S22	Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak	1	UiTM seluruh sistem	8
6.	Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan) Bidang : Audit	W22	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	1	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan Selangor	8

Kumpulan Pelaksana I

1. i) Jawatan : Ketua Penolong Pegawai Tadbir
ii) Gred Jawatan : N40
iii) Kekosongan : 1
iv) Syarat Kelayakan :

Pegawai Eksekutif Tertinggi Gred N36 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N40

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM4,986.00	RM8,972.00	RM225.00

2. i) Jawatan : Penolong Grafik Kanan
ii) Gred Jawatan : B32
iii) Kekosongan : 1
iv) Syarat Kelayakan :

Penolong Grafik Gred B29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Grafik Kanan Gred B32 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji B32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,851.00	RM6,263.00	RM155.00

3. i) Jawatan : Pegawai Eksekutif Kanan Bidang : Kokurikulum
 ii) Gred Jawatan : N32
 iii) Kekosongan : 1
 iv) Syarat Kelayakan :

Pegawai Eksekutif Bidang : Kokurikulum Gred N29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan Bidang : Kokurikulum Gred N32 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v). Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,844.00	RM6,256.00	RM155.00

4. i) Jawatan : Pembantu Tadbir Tertinggi (Kewangan)
 ii) Gred Jawatan : W26
 iii) Kekosongan : 1
 iv) Syarat Kelayakan :

Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan) Gred W22 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Tertinggi (Kewangan) Gred W26 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v). Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji W26

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,579.00	RM5,253.00	RM125.00

5. i) Jawatan : Pembantu Pustakawan Kanan
 ii) Gred Jawatan : S22
 iii) Kekosongan : 1
 iv) Syarat Kelayakan :

Pembantu Pustakawan Gred S19 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pustakawan Kanan Gred S22 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji S22

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,252.00	RM4,693.00	RM115.00

6. i) Jawatan : Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan)
 Bidang: Audit
 ii) Gred Jawatan : W22
 iii) Kekosongan : 1
 iv) Syarat Kelayakan :

Pembantu Tadbir (Kewangan) Bidang: Audit Gred W19 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan) Bidang: Audit Gred W22 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji W22

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,254.00	RM4,694.00	RM115.00